

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]
TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha serta tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memperkasa sektor-sektor yang boleh meningkatkan hasil pendapatan negara selain hanya tertumpu kepada hasil petroleum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berbanding sedekad yang lalu, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kebergantungan ke atas hasil berkaitan petroleum daripada 41.3% kepada jumlah hasil pada 2009 kepada 31.7% pada 2019. Walaupun kebergantungan berkenaan semakin berkurang, namun sumbangannya masih lagi signifikan. Bagi tahun 2020, hasil berkaitan petroleum berjumlah 20.5 bilion ringgit atau 24.9% kepada jumlah hasil, lebih tinggi berbanding anggaran asal Belanjawan 2020 sebanyak 20.6%.

2. Kerajaan akan terus berusaha memperkukuh dan memaksimum kutipan hasilnya serta meningkatkan keapungan cukai melalui pelbagai inisiatif pembaharuan cukai. Kerajaan kini sedang menggubal Strategi Hasil Jangka Sederhana (atau MTRS) untuk berbuat demikian, termasuklah:

- Menambah baik sistem percukaian sedia ada,
- Memperluas asas hasil,
- Memanfaatkan potensi sektor tidak formal,
- Mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar,
- Mengurangkan ketirisan cukai, serta
- Menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi berkaitan.

3. Inisiatif daripada MTRS ini dijangka akan meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan serta merancakkan ekonomi negara. Inisiatif yang meliputi diagnosis terperinci ke atas ekonomi dan sosial ini juga dapat meningkatkan lagi keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

4. Antara langkah yang diumumkan semasa Belanjawan 2021 untuk meningkatkan hasil adalah pengenaan cukai ke atas rokok elektronik dan *vape*. Di samping itu, pasukan petugas khas pelbagai agensi telah diperkukuhkan dengan penyertaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, bagi menambah baik kutipan hasil melalui pembasmian aktiviti penyeludupan,

terutamanya barangan berduti tinggi. Kawalan ke atas pelesenan dan pengimportan rokok dan produk tembakau diperketatkan dengan membekukan pengeluaran lesen import rokok baharu, memperketatkan pembaharuan lesen import rokok melalui pengenaan kuota import, menghadkan aktiviti *transshipment* rokok di pelabuhan tertentu sahaja dan menjadikan rokok dan produk tembakau sebagai barangan berduti di semua Pulau Bebas Cukai.

5. Seperti yang terkandung dalam Kenyataan Pra-Bajet pada 31 Ogos yang lalu, antara langkah percukaian yang telah dikenalpasti bagi meningkatkan pematuhan cukai adalah pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela bagi cukai tidak langsung yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (atau JKDM). Melalui program ini, pembayar cukai digalakkan untuk tampil secara sukarela bagi mengisytiharkan apa-apa cukai yang tidak, terkurang atau tersilap dilaporkan kepada JKDM. Selain itu, Sijil Pematuhan Cukai akan diperkenalkan sebagai satu pra-syarat baharu yang perlu dipatuhi oleh penender semasa mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan. Terdapat juga cadangan untuk melaksanakan *tax identification number* (atau TIN), dengan izin, bagi mengenalpasti pembayar cukai dan memastikan mereka yang layak memenuhi obligasi percukaian mereka.

6. Selain persekitaran pelaburan yang kondusif, insentif cukai juga berperanan penting sebagai faktor penarik pelaburan dalam meningkatkan kutipan hasil negara. Oleh itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan sebuah kajian semula ke atas insentif-insentif cukai sedia ada dan yang hendak ditawarkan agar insentif tersebut kekal relevan dan seterusnya dapat memberi impak positif kepada ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.